




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 49/2021 dari 5 Disember hingga 11 Disember 2021)


Pada minggu ke-49, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 38 kes (7.6%), menjadikan jumlah kes 540 berbanding 502 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-49. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 24,589 kes berbanding 87,279 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 62,690 kes (71.8%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 19 kematian berbanding 141 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 122 kematian (86.5%) **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 10 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ke-49 berbanding lapan (8) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan ke semua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 30 kes pada minggu ke-49 yang mana 11 kes dari WPKL & Putrajaya, lapan (8) kes dari Kelantan, enam (6) kes dari Selangor, dua (2) kes dari Pulau Pinang dan masing-masing satu (1) kes dari Kedah, Melaka dan Johor. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,365 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,494 sampel darah dan 32 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Musim cuti persekolahan panjang merupakan peluang ahli keluarga meluangkan waktu berkualiti bersama-sama melalui aktiviti melancong atau pulang ke kampung. Namun begitu, sebelum meninggalkan rumah untuk jangka waktu yang lama, pastikan tiada bekas-bekas terpakai yang tidak diperlukan di perkarangan rumah seperti baldi, bekas makanan haiwan peliharaan dan sebagainya yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Pastikan juga struktur seperti longkang serta palong air hujan tidak tersumbat dengan sampah-sarap dan akhirnya menjadi tempat nyamuk Aedes membiak. Bagi bekas tadahan air yang sukar dibuang seperti kolam hiasan atau pam tandas, bubuh bahan pembunuh jentik-jentik untuk membunuh jentik-jentik daripada membiak. Pelihara diri, keluarga dan kejiranan daripada ancaman Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
16 Disember 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 48 dan ke- 49 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 49 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-49 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 49/2021
(5 Disember hingga 11 Disember 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 49/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 49/2020	
		Minggu 49 (5 Disember – 11 Disember 2021)		Minggu 48 (28 November – 4 Disember 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	80	0
2	Kedah	16	0	14	0	542	1	757	0
3	P. Pinang	5	0	8	0	379	0	994	2
4	Perak	3	0	4	0	528	1	2,604	3
5	Selangor	318	0	300	0	14,654	2	43,215	37
6	WP KL & Putrajaya	50	0	55	0	2,937	2	10,283	7
7	N. Sembilan	16	0	10	0	590	1	2,816	9
8	Melaka	11	0	11	0	575	0	2,720	8
9	Johor	31	0	32	1	1,677	5	11,118	42
10	Pahang	11	0	9	0	419	2	3,110	8
11	Terengganu	3	0	2	0	44	0	381	0
12	Kelantan	7	0	5	0	210	0	3,824	7
13	Sarawak	12	0	15	0	379	0	1,475	2
14	Sabah	57	0	37	0	1,630	5	3,895	16
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	7	0
	MALAYSIA	540	0	502	1	24,589	19	87,279	141

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 49/2021
(5 Disember hingga 11 Disember 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Armanee Kondo	23	70
2	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1a Pprt 1 Blok (A,B,C)	11	53
3	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	14	52
4	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Lestari	18	47
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Saujana Emas	12	37
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Selamat	6	37
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 21-32 Taman Kantan Permai	9	35
8	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (P/puri Mentari - Blok 1, 2 & 3)	17	34
9	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 3 (Teres 1) [Jln SS 3/41, 41a, 43, 45, 47, 49, 51, 53, 55, 57, 59, 59A-D, 59F]	10	31
10	SELANGOR	Sepang	Kolej 17, UPM Serdang	5	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 49/2021 (11 Disember 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Batu Pahat	1	97
		Johor Bahru	17	
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
		Baling	5	
3.	Kedah	Kota Setar	15	139
		Kuala Muda	90	
		Kulim	24	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
		Bachok	1	
4.	Kelantan	Gua Musang	1	55
		Jeli	1	
		Kota Bharu	30	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	13	
		5.	Melaka	
Jasin	1			
Melaka Tengah	22			
6.	Negeri Sembilan	Seremban	17	17
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	38	73
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	3	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	25	

9.	Selangor	Gombak	165	309
		Hulu Langat	80	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	464
		Kepong	167	
		Lembah Pantai	63	
		Titiwangsa	183	
JUMLAH KUMULATIF			1,365	